

**MENGENALPASTI PUNCA-PUNCA KEDATANGAN PELANCONG YANG
BERMUSIM DALAM PELANCONGAN DI GUNUNG LEDANG, JOHOR**



**RESEARCH MANAGEMENT INSTITUTE (RMI)
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
40450 SHAH ALAM, SELANGOR
MALAYSIA**

DISEDIAKAN OLEH:

**CHEW SZE SIONG
NOR ASIKIN BINTI SHAHARUDDIN
LIM LEE SAH**

JULAI 2009

**MENGENALPASTI PUNCA-PUNCA KEDATANGAN PELANCONG YANG
BERMUSIM DALAM PELANCONGAN DI GUNUNG LEDANG, JOHOR**

**INSTITUT PENGURUSAN PENYELIDIKAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
40450 SHAH ALAM, SELANGOR
MALAYSIA**

DISEDIAKAN OLEH:

**CHEW SZE SIONG
NOR ASIKIN BINTI SHAHARUDDIN
LIM LEE SAH**

JULAI 2009

**MENGENALPASTI PUNCA-PUNCA KEDATANGAN PELANCONG YANG
BERMUSIM DALAM PELANCONGAN DI GUNUNG LEDANG, JOHOR**

DISEDIAKAN OLEH:

**CHEW SZE SIONG
NOR ASIKIN BINTI SHAHARUDDIN
LIM LEE SAH**

JULAI 2009

Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan
Universiti Teknologi MARA
Kampus Alor Gajah
78000 Alor Gajah
Melaka

Tarikh: 28 Julai 2009
No Fail Projek: 600-IRDC/SSP.5/3/Rsp(32/2008)

Penolong Naib Canselor (Penyelidikan)
Institut Pengurusan Penyelidikan
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam

Yang Berbahagia Prof.,

**LAPORAN AKHIR PENYELIDIKAN ‘MENGENALPASTI PUNCA-PUNCA
KEDATANGAN PELANCONG YANG BERMUSIM DALAM PELANCONGAN
DI GUNUNG LEDANG, JOHOR’**

Merujuk kepada perkara di atas, bersama-sama ini disertakan 2 (dua) naskhah Laporan Akhir Penyelidikan bertajuk Mengenalpasti Punca-Punca Kedatangan Pelancong Yang Bermusim Dalam Pelancongan Di Gunung Ledang, Johor.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

CHEW SZE SIONG
Ketua Penyelidik

ABSTRAK

Seasonality dalam permintaan pelancongan merupakan satu isu yang semakin mendapat perhatian daripada semua sektor yang terlibat dalam industri pelancongan khususnya di kawasan tarikan yang terletak di kawasan sempadan (*peripheral destinations*) dan kawasan tarikan pelancong yang mempunyai perubahan empat (4) musim di sepanjang tahun. Fenomena *seasonality* paling ketara yang boleh dilihat di negara Malaysia adalah di destinasi pelancongan kepulauan yang terletak di Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Namun begitu, tidak dapat dinafikan bahawa *seasonality* mungkin juga berlaku di kawasan-kawasan tarikan yang lain di Malaysia. Tujuan penyelidikan ini dijalankan ialah untuk mengenalpasti punca-punca *seasonality* dalam pelancongan di Gunung Ledang. Kewujudan *seasonality* adalah hasil daripada permintaan pelancongan yang bermusim di sesebuah kawasan destinasi yang tertentu. Oleh itu, soal selidik pelawat dijalankan bagi mendapatkan maklumat yang akan digunakan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi permintaan pelancong di Gunung Ledang. Hasil kajian mendapati bahawa Gunung Ledang merupakan kawasan tarikan yang sering dikunjungi oleh pelawat harian yang terdiri daripada golongan belia dan pelawat yang datang bersama seisi keluarga. Oleh itu, cuti hujung minggu dan cuti sekolah merupakan masa yang paling sesuai bagi mereka untuk membuat lawatan atau bercuti. Tambahan pula, jarak perjalanan yang jauh dan kekurangan kawasan tarikan lain di sekitar Gunung Ledang tidak dapat menarik kedatangan pelawat pada hari-hari biasa selain daripada musim cuti. Ini jelas menunjukkan bahawa masa cuti, jarak perjalanan dan kawasan-kawasan tarikan yang terhad di sekitar Gunung Ledang merupakan punca-punca yang menyebabkan *seasonality* dalam pelancongan di Gunung Ledang. Gunung Ledang dilihat berpotensi untuk dibangunkan dan dipromosikan sebagai sebuah wilayah pelancongan yang mempunyai pelbagai produk pelancongan yang berasaskan sumberjaya tempatan. Maka, tindakan yang sewajarnya harus diambil oleh pihak-pihak yang terlibat supaya masalah *seasonality* dalam pelancongan di Gunung Ledang dapat diatasi dengan secepat mungkin.